

PEMURIDAN : BERBELAS KASIHAN SEPERTI BAPA.

JANUARI 2016 : Mewartakan Kerahiman Tuhan.

Tujuan : Mewartakan Kerahiman Tuhan dengan kata-kata saya dan perbuatan saya.

Lagu Pembukaan...

Doa Pembukaan – Menjemput seorang ahli KED untuk mengucapkan Doa Pembukaan.

Kehidupan Kita.

Pengemis dan Paus Yohanes Paulus II

Seorang imam dari New York pergi ke Roma menghadap Paus Yohanes Paulus II. Semasa di Roma, sebelum pertemuan itu beliau memutuskan untuk pergi ke gereja untuk berdoa. Sambil berjalan melalui pintu beliau melihat seorang pengemis duduk di anak tangga, dan perkara ini adalah bukan sesuatu yang luar biasa, tetapi beliau merasakan sesuatu yang biasa mengenai pengemis itu. Apabila beliau telah selesai berdoa dia berjalan kembali keluar dan mengambil keputusan untuk bercakap dengan pengemis itu, di mana mereka tersedar bahawa mereka mengenali antara satu sama lain dan telah masuk ke Seminari bersama-sama. Pengemis itu mendedahkan bagaimana dia telah menjadi imam namun telah 'terhempas dan terbakar' dalam panggilannya.

Selepas itu, apabila imam telah menghadap Paus, beliau menyertai barisan orang-orang yang sedang berarak, dan ketika giliran Imam itu telah sampai, dia mengalah kepada gerak hati yang suci dan rebahlah ia meminta Paus mendoakan pengemis yang dia jumpai sebelum ini, dan memberitahukan kepada Paus bagaimana dia adalah seorang imam tetapi kini telah jatuh ke dalam masa yang sukar.

Paus telah memberikan imam itu sebuah jemputan untuk membawa pengemis itu makan malam bersama dia pada sebelah petang itu. Imam itu segera pergi dari Basilika St. Peter ke gereja kecil dan mendapati pengemis itu masih berada di atas anak tangga. Imam memberitahu pengemis mengenai jemputan yang telah diberikan dari Yohanes Paulus II kepada mereka. Pengemis itu berkata bahawa dia tidak mungkin dapat datang bersama menghadiri jemputan itu, tetapi imam menegaskan dan memberitahu dia bahawa dia tidak akan menghadiri jemputan makan itu tanpa dia. Ia mengajak pengemis itu ke bilik hotelnya dan meminjamkan pisau cukur dan beberapa pakaiannya.

Kedua-dua lelaki tiba sejam kemudian di pangsapuri Paus dan duduk serta makan hidangan yang bagus dengan Paus. Sejam kemudian Paus meminta imam untuk meninggalkannya seorang diri dengan kawannya itu. Imam mendapati apa yang berlaku pada petang itu apabila dia meninggalkan bilik :

Paus beralih kepada pengemis itu dan berkata, "Apakah anda akan mendengar pengakuan dosa saya?" Pengemis itu menjawab, "tetapi saya bukan Imam lagi!" Paus kemudian berkata kepadanya, "sekali imam, anda sentiasa seorang imam." Tetapi pengemis memberitahu Paus bahawa beliau sudah keluar dari kedudukan yang baik dalam gereja. Paus menjawab, "Saya Uskup Roma, saya boleh memulihkan anda semula sekarang," yang kemudian beliau memang memulihkannya.

Paus kemudian berlutut di hadapan pengemis itu dan mengaku dosa-dosanya. Pengemis-imam hampir tidak dapat memberikan absolusi keluar, sebelum dia jatuh berlutut dan menangis meminta Paus untuk mendengar pengakuannya. Setelah pengemis-imam telah dipulihkan oleh Kristus dan dalam keadaan berahmat, Paus meminta imam yang satunya untuk kembali ke dalam bilik. Paus bertanya kepada Imam itu, di gereja mana dia telah menemui rakannya itu, setelah mengetahui dia kemudian memberitahu pengemis-imam, "untuk tugas pertama pastoral saya mahu anda pergi ke gereja itu dan melaporkan diri untuk bertugas, kerana anda akan bertanggung-jawab atas gereja sana, dengan jangkauan khas terhadap rakan-rakan pengemis anda di jalan"- dan hingga ke hari ini di situlah pengemis-imam bekerja, membantu orang yang ditindas. (Di siarkan pada 14 Februari, 2013 oleh Geoff Heggadon).

Pertanyaan-Pertanyaan untuk di kongsikan.

Dimana anda melihat pengisytiharan belas kasihan Tuhan pada cerita di atas ?

Mendengar Firman Tuhan (Ef 2: 4-10)

Tetapi Allah sangat berbelas kasihandan Dia sangat mengashi kita, sehingga sementara kita mati secara rohani kerana pelanggaran kita, Dia menghidupkan kita semula bersama-sama Kristus. Kamu sudah diselamatkan oleh rahmat Allah. Kerana kita hidup bersatu dengan Kristus Yesus, Allah menghidupkan kita semula bersama-sama Dia supaya kita memerintah dengan Kristus di syurga. Allah melakukan hal itu supaya pada zaman yang akan datang, semua orang akan mengetahui rahmat-Nya yang tidak terhingga itu. Dia menunjukkan kasih-Nya kepada kita melalui Kristus Yesus. Hal itu demikian, kerana dengan rahmat Allah, kamu diselamatkan oleh sebab kamu percaya kepada Yesus. Penyelamatan itu bukan hasil usaha kamu sendiri, melainkan kurnia Allah. Oleh itu kamu tidak mempunyai alasan untuk bercakap besar tentang hal itu. Kita ciptaan Allah dan kerana kita hidup bersatu dengan Kristus Yesus Allah telah menjadikan kita untuk mengamalkan perbuatan baik, yang sudah disediakan-Nya untuk kita lakukan."

Renungan

- Kutip sebuah kata atau ayat-ayat pendek dari kutipan Bacaan diatas dan dengan hening dan perlahan mengulang – ulangnya selama 2 menit kepada diri sendiri.
- Kongsikan dengan sesama Sabda atau ayat-ayat yang telah menyentuh hati anda dan mengapa ?

Hidup Dalam Kasih

Bagi semua orang dewasa yang hadir pada saat perhimpunan KED di jemput untuk mengenal pasti sebuah keluarga di KED anda yang jarang atau tidak pernah menghadiri perhimpunan KED bulanan . Berdoa untuk kesejahteraan hidup keluarga ini secara berterusan selama tiga hari dan selepas itu , jika mungkin membuat usaha kunjungan ke keluarga itu untuk berkawan dengan mereka.

Doa Penutup - Menjemput seorang yang lain dari ahli KED untuk mengucapkan Doa Penutup.

Lagu Penutup – SYUKUR.

Syukur, pada yang suci,
Syukur, segenap hati
Allah telah memberi
Anak-NyaYesus.

Syukur , pada yang suci
Syukur , segenap hati
Allah, telah memberi
Anak-Nya..... Yesus.

Kini, yang lemah jadi kuat
Yang miskin jadi kaya
Dimungkinkan oleh kasih-Nya

Kini, yang lemah jadi kuat
Yang miskin jadi kaya
Dimungkinkan oleh kasih-Nya

Syukur, syukur, syukur.....